

22/11/1997

Krisis mata wang agenda utama

Hafifi Hafidz

VANCOUVER, Jumaat - Krisis mata wang yang melanda dunia terutama Asia akan tetap menjadi agenda utama mesyuarat pemimpin negara dan menteri Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik di sini walaupun ada usaha untuk mengetepikannya.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata kedua-dua peringkat mesyuarat itu akan membincangkannya dengan mengambil kira perkembangan terbaru yang berlaku di Manila, Rabu lalu.

"Walaupun isu mata wang tidak akan menenggelami agenda lain, ia tetap akan menjadi satu daripada perkara utama yang dibincangkan terutama apabila pemimpin negara bertemu dan beristirehat.

"Kami (menteri) mahu pemimpin memberi fokus dengan membincangkannya secara mendalam," katanya pada sidang akhbar dengan wartawan Malaysia di sini, semalam.

Rafidah tiba di sini semalam untuk menyertai mesyuarat peringkat menteri selama dua hari mulai esok selepas mesyuarat peringkat pegawai selama dua hari tamat hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pemimpin negara Apec yang lain termasuk Presiden Bill Clinton; Presiden China, Jiang Zemin; dan Perdana Menteri Jepun, Ryutaro Hashimoto pula akan mengadakan pertemuan di University of Colombia pada 25 November ini.

Kelmarin, Kanada selaku tuan rumah tidak mahu isu krisis mata wang dan ekonomi dunia menenggelami agenda liberalisasi pasaran forum itu berikutan satu tabung serantau sudah ditubuhkan bagi menangani masalah berkenaan.

Sebaliknya, Kanada mahu Apec memberi tumpuan kepada liberalisasi pasaran dan hasrat itu dinyatakan oleh negara itu selepas mesyuarat hari pertama peringkat pegawai Apec (SOM) tamat.

Sebanyak 14 negara anggota Apec iaitu Malaysia, Brunei, Indonesia, Filipina, Singapura, Thailand, Australia, China, Hong Kong, Jepun, New Zealand, Kanada dan Amerika Syarikat yang menyertai mesyuarat di Manila bersetuju menubuhkan satu tabung Kerjasama Serantau bagi Penyusunan Kewangan.

Program bantuan tabung itu adalah kemudahan kewangan tambahan kepada tabung yang disediakan oleh IMF kepada negara yang memerlukan bantuan. Mexico, Chile, Taiwan dan Papua New Guinea, empat negara anggota Apec yang tidak menghadiri mesyuarat itu.

Menurut Rafidah, mesyuarat menteri akan memberi perhatian kepada keputusan di Manila dan memberi sokongan kepada daya usaha kewangan yang bakal diambil oleh IMF.

"Apabila agenda mata wang dibincangkan esok, kita mahu mendapatkan maklum balas daripada negara lain. Kita mahu semua negara Apec memberi tahu mesyuarat, bagaimana krisis itu memberi kesan kepada mereka," katanya.

Rafidah berkata, mesyuarat menteri juga mahu mengetahui apakah tindakan individu setiap negara bagi menangani krisis berkenaan di samping memberi idea bernas kepada Apec.

Pada mesyuarat esok, Rafidah juga akan melaporkan usaha Malaysia sebagai tuan rumah kepada mesyuarat menteri kewangan dan gabenor bank pusat Asean dan enam rakan kerjanya serta dengan Kumpulan 15 bagi mencari jalan menyelesaikan krisis itu.

Mesyuarat itu akan diadakan di Kuala Lumpur pada 1 hingga 3 Disember depan.

Ditanya mengapa Apec kali ini tidak membincangkan perkara yang dominan

seperti yang pernah disuarakan oleh Malaysia, Rafidah berkata kerjasama itu sekarang sudah sampai ke tahap pertimbangan yang sama rata terutama soal liberalisasi pasaran, langkah memudahkan perdagangan dan pelaburan serta kerjasama teknikal.

(END)